

DR M: SILA LIHAJ SENDIRI



DATUK SERI
DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah perlu untuk melindungi hak asasi rakyat.

Malaysia tidak mempunyai sebarang perkara untuk disembunyikan kepada dunia mengenai perjalanan undang-undang di negara ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas pertemuan dengan tujuh peguam asing di Bangunan Parlimen hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai tanggungjawabnya sendiri untuk menjaga keselamatan.

Negara juga bertanggungjawab ke atas mangsa yang tidak berdos akibat keganasan penganas-penganas.

Beliau memberitahu peguam-peguam tersebut, 365 rakyat kehilangan anggota dan penglihatan akibat keganasan yang dilakukan oleh penganas-penganas komunis.

Oleh AHMAD PUAD ONAH
MIOR KAMARUL SHAHID

Ia juga melibatkan mereka yang tidak berdos kehilangan nyawa, isteri kehilangan suami dan anak kehilangan ayah.

Beliau berkata, jika kumpulan tersebut hendak menjaga kepentingan orang-orang tahanan di bawah akta tersebut, perhatian wajar harus juga diberikan kepada mangsa-mangsa yang tidak berdos itu.

Langkah berhati2

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, undang-undang di bawah akta tersebut mungkin agak "keras" tetapi mereka yang berani melanggarnya tentulah menghadapinya.

"Kalau hendak menjaga hak asasi segolongan orang, adalah perlu juga melindungi nyawa orang lain," tegas Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, langkah berhati-hati sentiasa diambil untuk memastikan mereka yang tidak bersalah didakwa di bawah akta tersebut.

"Tidak ada satu sistem yang tepat untuk menentukan seseorang itu bersalah atau tidak di mana-mana sekalipun. Perceraian tidak dapat memastikan 100 peratus kebenarannya," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mencuba sebarang upaya berlandaskan kemampuannya memastikan mereka tidak bersalah tidak akan terlanjut di bawah akta tersebut.

Peguam-peguam tersebut membangkitkan bahawa apa yang dilakukan di negara ini tidak berpadukan kepada prinsip hak asasi dan mahukan ia dipinda.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, hak asasi manusia di sesebuah negara adalah berbeza antara satu sama lain. Setengah negara telah pun memansukannya.

Berhubung dengan negara ini, kerajaan merasakan ia perlu dilaksanakan dan tidak berniat untuk memindahkannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, akta tersebut memang sentiasa dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan kelicihan perjalanan akta tersebut.

Mengenai lawatan peguam-peguam itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, tidak siapa yang melarang mereka datang ke negara ini.

Ini menunjukkan Malaysia tidak mempunyai sebarang perkara yang hendak disembunyikan kepada dunia.

Beliau memberitahu, sekumpulan yang dinamakan Amnesty International telah pun menulis surat untuk melawat negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah pun memberitahu Timbalannya, Datuk Musa Hitam bahawa beliau tidak keberatan menerima mereka.

Mengenai anak angkat tahanan ISA, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan sekali lagi bahawa skim tersebut tidak melibatkan mereka, yang dibicarakan dan dipapati bersalah oleh mahkamah kerana melakukan jenayah.

Tegasnya, banya mereka yang ditahan tanpa perceraian sabbah dibicarakan dibawa keluar oleh kumpulan-kumpulan yang inginkan mereka.

Perdana Menteri, bagaimanapun berharap kumpulan peguam itu akan membentangkan laporan yang positif dan tidak berat sebelah berhubung dengan hak asasi di negara ini.

No. Siri 2928
No. Penerbitan 673/85